


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 JULAI 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	The National Innovation Award 2016	New Straits Times
2.	Ribut musnah lemang RM20,000	Berita Harian
3.	Manfaat teknologi angkasa	KOSMO
4.	MTDC optimis di senarai di Bursa Malaysia	Harian Metro
5.	MTDC wujud syarikat bernilai RM100 juta	Utusan Malaysia
6.	Cloud seeding mulled to fill up dams	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 15 JULAI 2016 (JUMAAT)



THE NATIONAL INNOVATION AWARD 2016

CALL FOR ENTRIES

THE NATIONAL INNOVATION AWARD



Cash prizes waiting for you!

CATEGORIES	CASH PRIZE	CLOSING DATE	HOW TO APPLY
PRODUCTS	RM50,000	15 August 2016 (Monday)	All applications must be submitted via our website. http://ain.mosti.gov.my Tel: 03-5544 5023 E-mail: ain2016@mosti.gov.my
SERVICES	RM50,000		
GRASSROOTS	RM20,000		
SCHOOL	RM10,000		
PRINT MEDIA*	RM10,000	1 September 2016 (Thursday)	All applications must be submitted via our website http://ain.mosti.gov.my Tel: 03-8885 8299 / 03-83182211 E-mail: ain2016-media@mosti.gov.my
ELECTRONIC MEDIA*	RM10,000		

* The qualification for these two categories are based on the published articles/video recordings/ photographs between 1st December 2015 and 1st August 2016 (both dates are inclusive).



<http://ain.mosti.gov.my>








Ribut musnah lemang RM20,000

➔ Gerai
peniaga
dihempap
pokok
tumbang

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Faris Fuad dan Mohd Zulkifli
Zainuddin
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

"Saya anggarakan kerugian dialami hampir RM20,000 kerana dua khemah gerai lemang saya rosak teruk apabila sebatang pokok yang tumbuh di hadapan gerai tumbang," demikian luahan pemilik Pak Dean Lemang Tradisi, Kamariah Yeop, 58.

Peniaga lemang di Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Hulu Klang, dekat sini itu, berkata keru-

gian berkenaan termasuk kuih dan lemang yang turut musnah dan rosak dalam kejadian, kelmarin.

Katanya, ketika kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, beliau dan anak perempuannya sedang menguruskan perniagaan dan tiba-tiba ribut diikuti hujan lebat melanda sekitar kawasan perniagaannya.

"Bagaimanapun kami bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa dan sempat mengambil beberapa barangan penting sebelum berlari keluar dari khemah untuk menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui BH semalam dan menambah, hujan lebat disusuli angin kuat hampir sejam itu turut menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Kamariah berkata, kejadian seperti ini seharusnya menjadi pengajaran kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) (pihak berkuasa tempatan (PBT) kawasan berkenaan) untuk sentiasa turun padang memastikan pokok yang ditanam diselenggara dengan baik bagi memastikan kebajikan dan keselamatan penduduk terjamin.

Kawasan terjejas teruk

Dalam kejadian ribut dan hujan lebat yang melanda beberapa kawasan di sekitar ibu kota kelmarin, Hulu Klang dan laluan MRR2 adalah antara kawasan yang terjejas teruk dengan dua kejadian banjir dilaporkan iaitu di Plaza Tol Gombak menuju ke Zoo

Negara dan di kawasan sekitar Sekolah Kebangsaan Hulu Klang yang terletak kira-kira 1 kilometer dari gerai Kamariah.

Sementara itu, peniaga Lemang Pak Ya, Noorma Yahya, 55, berkata pemantauan berterusan perlu dilakukan PBT bagi memastikan kejadian pokok tumbang dapat dielakkan terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini.

Katanya, ada pokok di sekitar MRR2 sudah melebihi usia 10 tahun dan boleh mengundang bahaya kepada peniaga dan pengguna jalan raya sekiranya tidak diselenggara mengikut kaedah ditetapkan kerana jalan berkenaan agak sibuk.

Kawasan perniagaan yang terle-

tak berhampiran Zoo Negara itu terkenal sebagai kawasan perniagaan lemang dan menjadi tumpuan orang ramai, terutama pada musim Aidilfitri dan Aidiladha.

Wujud garis panduan khas

Peniaga Lemang Pak Li, Badriah Najib Hasbi, 38, pula berpendapat, PBT sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau MPAJ perlu mewujudkan satu garis panduan khas bagi kes seperti ini bagi memudahkan mangsa sekiranya berlaku sesuatu.

Katanya, garis panduan itu perlu dirancang secepat mungkin dan diumumkan kepada orang ramai supaya tindakan bersiap

sedia boleh diambil segera.

Sementara itu, hujan lebat berserta ribut petir yang melanda ibu negara kelmarin, tiada kaitan dengan fenomena La Nina, sebaliknya negara ketika ini masih mengalami fasa Monsun Barat Daya (MBD).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata fasa MBD iaitu keadaan atmosfera adalah lebih kering, bermula sejak minggu ketiga Mei lalu dan dijangka berterusan hingga September depan.

Justeru, katanya, keadaan cuaca panas dan lebih kering ketika ini menyebabkan negara mengalami kurang taburan hujan

Fakta nombor

1 KILOMETER
jarak kejadian banjir dari gerai Kamariah

10 TAHUN
usia pokok di sekitar MRR2

berbanding pada musim lain.

"Namun, hujan lebat dan ribut petir masih dijangka berlaku disebabkan kehadiran garis badai, iaitu sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan.

"Kejadian ini boleh berlaku pada waktu Subuh, terutama di kawasan pantai di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, barat Johor, barat Sabah dan Sarawak," katanya.

Madius berkata, berdasarkan model iklim antarabangsa, fenomena La Nina berkemungkinan (kebarangkalian 50 hingga 75 peratus) akan berlaku selepas Ogos ini.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 15 JULAI 2016 (JUMAAT)

Manfaat teknologi angkasa lepas

KAJIAN mengenai angkasa lepas telah memberi banyak manfaat kepada manusia di Bumi secara amnya dan juga kepada bidang-bidang lain seperti telekomunikasi dan perubatan.

Menurut **Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Mohd. Zamri Shah Mastor**, komunikasi menggunakan satelit menjimatkan kos berbilion-bilion ringgit berbanding menggunakan wayar.

"Selain itu, ribut yang bakal melanda di sesetengah kawasan dapat dikesan dengan lebih pantas menggunakan satelit kaji cuaca manakala vaksin paling tulen juga dapat dihasilkan di angkasa

lepas dalam persekitaran mikrograviti.

"Teknologi angkasa lepas juga digunakan untuk memantau perubahan yang berlaku pada Bumi sama ada dari aspek kualiti alam sekitar iaitu cuaca dan iklim seperti fenomena El Nino, La Nina, peningkatan paras air laut di seluruh dunia, pemantauan penipisan lapisan ozon termasuklah kadar pencairan ais di Kutub Utara serta Kutub Selatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Sehubungan itu, negara sedang memberi tumpuan untuk memanfaatkan sepenuhnya



MOHD. ZAMRI

sains dan teknologi angkasa serta teknologi-teknologi lain yang berkaitan.

Jelas Zamri, Malaysia turut berusaha membangunkan keupayaan membina satelitnya sendiri bersama rakan teknologi dari luar negara bagi tujuan memantau

permukaan Bumi melalui satelit *remote sensing* negara yang ketiga.

"Malaysia sedang meneroka untuk menghantar lebih banyak eksperimen mikrograviti ke stesen angkasa antarabangsa dan terdapat universiti awam tempatan yang merancang untuk

melancarkan satelit nano sendiri bagi tujuan program pendidikan.

"Lanjutan daripada Program Angkasaan Negara yang pertama, Malaysia juga telah berjaya meneruskan Program Mikrogravitinya melalui kerjasama dengan Jepun dalam menjalankan kajian penghasilan kristal protein di stesen angkasa antarabangsa untuk menghasilkan bahan cuci ndustri yang berkualiti tinggi.

"Sampel benih tempatan seperti biji benih cili tempatan juga telah diuji di stesen angkasa antarabangsa melalui kerjasama dengan Jepun yang menunjukkan hasil memberangsangkan," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 66
TARIKH: 15 JULAI 2016 (JUMAAT)

Serdang: Malaysia Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) optimis syarikat penerima danya yang dianggarkan mampu mencapai nilai RM1 bilion dapat disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, perkara berkenaan sejajar dengan rancangan jangka sederhana MTDC untuk mewujudkan lebih banyak syarikat bernilai RM100 juta menjelang 2020.

Beliau berkata, pihaknya mahu syarikat-syarikat yang menerima dana syarikat berteraskan teknologi inovasi terbabit memperluaskan perniagaan mereka untuk menjadi lebih berdaya maju dan berdaya tahan dengan menerokai pasaran eksport dengan lebih agresif.

"Syarikat yang dijangka dapat disenaraikan adalah Malaysian Phosphate Additive Sdn Bhd yang terbabit dalam sektor kimia dan di-



NORHALIM (dua dari kanan) beramah mesra bersama penghuni Rumah Anak Kesayanganku, Bukit Beruntung dan Rumah Anak Yatim Darul Fuqahah, Bangi pada Majlis Jalinan Inovasi Aidilfitri Komuniti Disayangi MTDC.

MTDC optimis disenarai di Bursa Malaysia

anggarkan bernilai kira-kira RM1 bilion.

"Malah, sektor minyak dan gas (O&G) juga adalah antara sektor yang diberi tumpuan kerana ada beberapa syarikat tempatan termasuk usahawan Bumiputera yang mengeksport produk mereka ke luar negara.

Sektor lain yang diberi tekanan adalah makanan dan perubatan termasuk peralatan perubatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Jalinan Inovasi Aidilfitri Komuniti Disayangi MTDC di sini semalam. Hadir sama, **Tim-**

balan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah. Majlis yang dihadiri kira-kira 1,200 jemputan yang terdiri daripada penerima dana MTDC turut meraikan anak-anak yatim dengan menyampaikan sumbangan peralatan persekolahan.

MTDC wujud syarikat bernilai RM100 juta

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 JULAI

MALAYSIA Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC) yakin syarikat penerima danya yang mempunyai nilai RM1 bilion dapat disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, penyenaian syarikat penerima dana tersebut sejajar dengan rancangan jangka sederhana MTDC untuk mewujudkan lebih banyak syarikat bernilai RM100 juta menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, pihaknya mahu syarikat-syarikat yang menerima dana MTDC memperluas-kan perniagaan mereka untuk menjadi lebih maju dan berdaya saing dengan menerokai pasaran eksport.

"Syarikat yang dijangka dapat disenaraikan tersebut adalah Malaysian Phosphate Additive Sdn. Bhd. yang terlibat dalam sektor kimia dan nilai syarikat kira-kira RM1 bilion.

"Selain itu, sektor minyak dan gas juga antara sektor yang diberi tumpuan kerana sudah terdapat beberapa syarikat tempatan termasuk bumiputera yang telah mengeksport produk mereka ke luar negara. Sektor lain yang diberi penekanan adalah makanan dan perubatan termasuk peralatan perubatan," katanya.



NORHALIM YUNUS (dua dari kanan) beramah mesra dengan anak-anak yatim dari Rumah Anak Kesayanganku Bukit Beruntung dan Rumah Anak Yatim Darul Fuqahah Bangi pada Majlis Jalinan Inovasi Aidilfitri Komuniti Disayangi 2016 anjuran MTDC di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Jalinan Inovasi Aidilfitri Komuniti Disayangi MTDC di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Majlis dihadiri oleh kira-kira 1,200 jemputan terdiri daripada penerima dana MTDC itu turut meraikan anak-anak yatim.

Norhalim berkata, majlis ter- babit bukan sahaja diadakan

untuk meraikan penerima dana sempena Hari Raya tetapi juga dapat memberi peluang kepada golongan terbabit berinteraksi sesama sendiri dan mewujudkan peluang usahasama.

"Pada majlis begini mereka boleh bertemu dan mencari peluang perniagaan serta usahasama antara satu sama lain. Selain itu, syarikat-syarikat baharu juga dapat menimba ilmu daripada syarikat-syarikat yang telah berjaya," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 64
TARIKH: 15 JULAI 2016 (JUMAAT)



Cloud seeding mulled to fill up dams

ALOR STAR: The Muda Agricultural Development Authority (Mada) will consider cloud seeding operations with the Meteorological Department to create rain to fill its dams.

Mada chairman Datuk Othman Aziz said for now, the water at the Muda, Pedu and Ahning dams was sufficient to cover agriculture and domestic use.

He said the water level at the Pedu Dam was at 33 per cent, while the water level at the Muda and Ahning dams were 30 per cent and 63 per cent, respectively.

"Although the water level at the Muda and Pedu dams are below 50 per cent, it is sufficient to cater for agriculture use, especially padi farming activities for this season.

"If the need arises, we will conduct cloud seeding to create rain to fill the two dams," he said after hosting a Mada Hari Raya Aidilfitri open house at its headquarters here yesterday.

He said water from the Muda and Pedu dams were for agriculture use, while water from the Beris Dam was solely for domestic use.

The padi planting season has entered its third month with the growth of padi seedlings between 40 and 60 days old.